



# SIARAN AKHBAR PRESS STATEMENT

S.A. 2017/08/51 (HQ)

## BIOGAS UNTUK PENJANAAN ELEKTRIK

Presiden/Ketua Eksekutif Kumpulan Sime Darby Berhad, Tan Sri Dato' Seri Mohd Bakke Salleh (empat dari kiri) bersama wakil pengurusan Sime Darby dan TNB memerhatikan Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Datuk Seri Ir. Azman Mohd menandatangani plak sempena pelancaran stesen janakuasa biogas, usaha sama kedua-dua GLC, baru-baru ini.

Turut hadir di majlis tersebut di Layang-Layang, Simpang Rengam, Johor ialah Ketua Pegawai Eksekutif SEDA Malaysia, Catherine Ridu.

TNB dan Sime Darby telah membangunkan dua stesen janakuasa biogas yang menghasilkan elektrik dengan menggunakan bahan buangan kilang sawit (palm oil mill effluent).

Kedua-dua stesen biogas tersebut terletak di estet Hadapan di Layang-Layang dan estet Flemington di Bagan Datuk, Perak.

Stesen Biogas Hadapan, yang beroperasi sepenuhnya pada 30 Disember 2016 mempunyai kapasiti terpasang 1.6MW, manakala Stesen Biogas Flemington yang beroperasi sepenuhnya pada 26 Januari 2017 juga mempunyai kapasiti terpasang 1.6MW. Tenaga elektrik yang dihasilkan kedua-dua stesen disalurkan terus ke grid nasional.

Usaha sama tersebut membolehkan TNB mengukuhkan kedudukannya sebagai pemain utama tenaga boleh diperbaharui di Malaysia dan menyerlahkan nilai (unlock the value) dari bahan buangan kilang sawit di ladang-ladang milik Sime Darby.

**Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada jam 3:00 petang, 8 Ogos 2017**

*Untuk pertanyaan lanjut, sila hubungi Datuk Omar Sidek (013-3418988) /  
Nor Hanim Idris (019-2617617) atau [media@tnb.com.my](mailto:media@tnb.com.my)*